

# DIARI MINGGUAN
## PUSAT KOKURIKULUM UPSI

JAN 2026
EDISI 295





## SESI KUNJUNGAN HORMAT TABUNG HAJI CAWANGAN TANJONG MALIM KE PUSAT KOKURIKULUM

26 Januari 2026: Satu kunjungan hormat telah diadakan oleh pihak pengurusan Tabung Haji Cawangan Tanjong Malim ke Pusat Kokurikulum bagi membincangkan potensi kerjasama dalam memperkasakan literasi kewangan dan kesedaran perancangan masa depan dalam kalangan pelajar untuk menunaikan ibadah haji.

## MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM REJUVENASI WARGA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI






25 Januari 2026: Majlis Perasmian Penutup Program Rejuvenasi Warga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah berlangsung dengan jayanya dalam suasana penuh semangat dan kebersamaan. Majlis ini telah disempurnakan oleh Datuk Dr. Anesee Ibrahim, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan Tinggi, yang turut meluangkan masa bersama warga KPT dan para peserta program.

# Program Teambuilding Pejabat Ketua Setiausaha Negara



Program Teambuilding Pejabat Ketua Setiausaha Negara berjaya dilaksanakan pada 31 Januari dan 1 Februari 2026 dengan penyertaan penuh semangat daripada para pegawai dan kakitangan. Program ini bertujuan memperkukuh kerjasama berpasukan, meningkatkan komunikasi serta memupuk semangat saling mempercayai dalam kalangan warga kerja. Antara pengisian utama program ialah aktiviti hiking di Lata Perangin yang memberi peluang kepada peserta menikmati keindahan alam semula jadi sambil membina ketahanan fizikal dan mental.

Program ini turut diteruskan dengan aktiviti *high rope* di UPSI Adventure Park, yang mencabar keberanian, fokus dan kerjasama pasukan melalui pelbagai halangan berkonsepkan pengembaraan. Sebagai penutup, aktiviti boling telah dianjurkan dalam suasana santai dan mesra, sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim antara peserta. Secara keseluruhan, program teambuilding ini berjaya mencapai objektif penganjuran dengan memberi pengalaman bermakna serta menyumbang kepada pembentukan pasukan kerja yang lebih dinamik, harmoni dan berprestasi tinggi.



